

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 02 Februari 2017 15:14
To: UUM - All Staff
Subject: PERSEDIAAN AWAL PROSES PENGAUDITAN TRIPLE ISO



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



2 FEBRUARI 2017 / 5 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PERSEDIAAN AWAL PROSES PENGAUDITAN *TRIPLE* ISO



IPQ ONLINE: IPQ telah menganjurkan Bengkel Juruaudit Kualiti Dalam *Triple ISO* pada 1 dan 2 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, IPQ. Seramai 25 orang juruaudit kualiti dalam universiti yang terdiri dari juruaudit pentadbiran dan akademik telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel selama dua hari ini merupakan bengkel permulaan bertujuan untuk memberi kefahaman, pengetahuan dan pendedahan awal kepada juruaudit kualiti dalam universiti kepada proses pengauditan yang akan melibatkan MS ISO 9001:2015, ISO 14001:2015 dan ISO 26000/SR10.

Penceramah jemputan bengkel iaitu Puan Armon a/p I Weng merupakan *Principal Consultant* dari Global Jayamaju Sdn. Bhd. dan En. Lim Kim Yook merupakan *Principal Consultant* dari KY Technical Quality Sdn. Bhd.

Pada dasarnya, bengkel ini bukan sahaja mendedahkan peserta dengan pengetahuan bagaimana melaksanakan proses pengauditan yang melibatkan gabungan tiga standard tersebut malah menerangkan persamaan antara ISO 9001: 2008, ISO 9001:2015 dan SR10. Selain itu, para peserta juga didedahkan dengan aktiviti kumpulan iaitu mengaplikasikan setiap klausa. Bengkel seterusnya bagi persediaan audit yang lebih terperinci akan dijalankan pada 5 Februari 2017.

Pengarah IPQ mengucapkan terima kasih kepada semua juruaudit dan ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) atas sokongan dan komitmen yang diberikan dalam membantu universiti bagi menjayakan agenda universiti ini.

HABIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.